

12/10/1997

Rakyat diminta berdiri teguh di belakang kerajaan

MIRI: Rakyat Sarawak diminta supaya tidak terlalu emosional dan menyalahkan kerajaan berikutan pelbagai masalah yang melanda ekonomi negara sekarang.

Malah, mereka disaran terus berdiri teguh dan menyokong penuh setiap usaha yang sedang dan akan dilaksanakan kerajaan bagi memulihkan keadaan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Peter Chin Fah Kui, berkata kerajaan mengambil pelbagai langkah positif untuk membendung masalah itu.

Menurutnya, penurunan nilai ringgit dan kemerosotan indeks harga bursa saham negara ini bukan dirancang kerajaan, malah masalah itu membabitkan kebanyakan negara Asia Tenggara.

Berucap melancarkan Pesta Perbankan dan Kewangan di sini semalam, beliau meminta rakyat memberi kepercayaan penuh rakyat kepada kepemimpinan kerajaan dalam mengatasi masalah itu.

"Sekali lagi ingin saya ulangi saranan kepada rakyat agar sama-sama terus menyokong kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan kerajaan yang ada sekarang, bagi memastikan nilai ringgit serta ekonomi negara keseluruhannya bertambah baik," katanya.

Chin mengakui perkembangan negatif yang melanda ekonomi negara sekarang ini memberi kesan buruk yang amat ketara khususnya membabitkan penurunan nilai kebanyakan saham dalam Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

Menurutnya, keadaan kurang memberangsangkan itu jelas memberi kesan negatif terhadap perkembangan ekonomi keseluruhannya dan sekali gus menjejaskan pertumbuhan tahunan ekonomi negara.

(END)